

BAHAGIAN 1

KEPRIHATINAN BAHASA SEBAGAI WADAH PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA

Dr Rashidi Bin Abbas
Pengarah
Pusat Islam dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Pahang

Selang beberapa hari lagi Malaysia akan menyambut hari kemerdekaan yang ke-63. Apa erti nilai kemerdekaan sekiranya konsep perpaduan masih jauh disalah ertikan oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia? Justeru itu, bagi sebuah negara yang dihuni oleh masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya, perpaduan adalah sangat penting dalam menjamin keharmonian negara. Keharmonian yang dicanang oleh pemimpin negara merupakan intipati yang besar dalam menuju keamanan negara secara holistik. Penggunaan bahasa Melayu adalah sebagai medium pengukuhan kesepaduan kaum di Malaysia. Justeru itu, kerangka penyediaan program perlu dirancang oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan bahasa bagi mencapai objektif perpaduan kaum.

Penyebaran bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kaum perlu diaktifkan oleh pelbagai pihak samada agensi kerajaan mahupun swasta. Pusat pengajian pendidikan merupakan satu entiti yang berperanan besar dalam mendepani isu bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kaum hingga terbentuk keharmonian negara. Penawaran subjek bahasa Melayu sebagai teras peperiksaan perlu dikekalkan, seterusnya subjek tambahan sebagai pendokong kepada kecintaan kepada bahasa Melayu juga perlu diperkasakan dengan terma-terma tertentu yang akan menjadi nilai tambah pelajar apabila bersama dengan masyarakat.

Keprihatinan penggunaan bahasa Melayu tidak terbatas kepada bahasa komunikasi dua hala dalam perbualan semata-mata, kerangka ini perlu diperluaskan dengan ketetapan dari PBT setempat untuk mewajibkan setiap papan-papan tanda jalan,

premis perniagaan, pengiklanan, mercu tanda bangunan, industri hotel, pelancongan dan sebagainya perlu di sebarluaskan penggunaannya. Di samping kita membuang sama sekali bahasa antarabangsa untuk dimensi pendidikan, budaya, perubatan, perniagaan dan sebagainya secara global. Satu perkara yang amat penting ialah bagaimana kita ingin suburkan kecintaan bahasa sebagai wadah kelestarian bangsa dan negara? Mari kita berganding bahu menyiram nilai-nilai tingginya keperluan kecintaan kepada bahasa untuk generasi baharu yang memerlukan petunjuk arah ke arah perpaduan masyarakat di Malaysia.